

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

14 March 2016

Tindakan PM menempelak bekas pemimpin negara

UM-14/3/2016

Tepat pada waktunya

Oleh SYUKRI SHAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 MAC

TINDAKAN Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menempelak bekas pemimpin negara berikutan serangan berterusan yang dilakukan sebelum ini disifatkan sebagai tepat pada waktunya.

Presiden Jaringan Melayu Malaysia (JMM), **Azwanddin Hamzah** berkata, selama ini, Najib dilihat banyak bersabar dan memberi ruang kepada pemimpin berkenaan yang dipercayai ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyatakan rasa tidak puas hati.

Katanya, walaupun Najib telah meminta semua pihak termasuk Dr. Mahathir bersabar menunggu penjelasan berhubung beberapa isu yang timbul, namun bekas Perdana Menteri itu seolah-olah tidak faham.

"Kalau kita lihat, serangan yang dilakukan bukanlah semata-mata untuk kepentingan negara lagi, tetapi untuk politik peribadi. Jadi,



AZWANDDIN HAMZAH



MUAMMAR GADAFI

tindakan Perdana Menteri menegur secara terbuka terhadap Dr. Mahathir adalah amat dialu-alukan kerana selama ini beliau dilihat banyak bersabar dan bersifat defensif.

"Lebih-lebih lagi dalam situasi Dr. Mahathir sedang 'diperalatkan' oleh pihak pembangkang, jadi tiada sebab untuk Perdana Menteri menunggu untuk meluahkan apa yang beliau rasa. Ini waktunya beliau harus berterus-terang terhadap semua serangan daripada Dr. Mahathir itu," katanya ketika dihubu-

ngi di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Najib menempelak pemimpin negara yang pernah mengetuai kerajaan selama 22 tahun, dipercayai Dr. Mahathir kerana melibatkan rakyat untuk mencapai agenda peribadi.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), **Muammar Gaddafi Jamaluddin** pula menyifatkan tindakan Najib itu menunjukkan ketegasan beliau sebagai seorang Perdana Menteri.

"Beliau merupakan seorang yang penyabar, saya percaya Najib sudah lama bersabar dengan serangan berterusan ini, lebih-lebih lagi daripada Dr. Mahathir. Sekiranya individu lain diletakkan di tempat Perdana Menteri, belum tentu individu itu mampu bersabar.

"Dalam sudut pandangan lain, tindakan tersebut mempamerkan ketegasan Perdana Menteri. Najib ingin menunjukkan kepada pihak yang terus menyerangnya bahawa beliau masih lagi seorang Perdana Menteri dan bertanggungjawab terhadap negara ini," jelasnya.